

CNS2181

R GB 16-12 00181 PA750

aab

Kajian - Mahathir (Ekuiti) ''''

KEKALKAN KEKAYAAN, JIKA TIDAK EKUITI 30 PERATUS TIDAK TERCAPAI - PM

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Matlamat negara untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam sektor korporat tidak akan tercapai kecuali dan sehingga Bumiputera sendiri menanam amalan untuk mengekalkan kekayaan atau melabur semula pendapatan yang diperolehi daripada kekayaan milik mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini .

Walaupun jumlah ekuiti Bumiputera dari segi pemilikan ekuiti korporat meningkat dari RM20.9 billion pada 1990 ke RM23.7 billion pada 1992, bahagian mereka dalam ekuiti keseluruhan berkurang dari 19.2 peratus ke 18.2 peratus dalam tempoh berkenaan, kata beliau semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (RME) di Dewan Rakyat.

Beliau berkata ekuiti korporat Bumiputera menjadi lebih kecil akibat penjualan semula saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera.

Ini mengakibatkan pertambahan bersih dalam ekuiti keseluruhan Bumiputera menjadi lebih kecil.

Penjualan semula saham syarikat yang disenaraikan dianggarkan sebanyak RM1.8 billion pada nilai par atau kira-kira RM18.5 billion pada nilai pasaran semasa. - lagi.

▼16/12/21-03MST

CNS2201

R GB 16-12 00117 PA754

aab

Kajian - Mahathir (Ekuiti) 2 Kuala Lumpur ''''

Perdana Menteri juga mahukan Bumiputera melabur semula keuntungan yang didapatkan dari penjualan semula itu dalam peluang pelaburan yang mendatangkan hasil lebih tinggi.

Beliau berkata, "Pasaran saham bukanlah tempat untuk mengurangkan kekayaan tetapi untuk menambahnya. Ini boleh dilakukan dengan mengekalkan saham mereka. Kerajaan akan berusaha menyediakan penasihat pelaburan untuk membantu Bumiputera memaksimumkan pemilikan saham mereka.

Peluang bagi Bumiputera meningkatkan kekayaan mereka begitu meluas dengan pertumbuhan ekonomi yang dijangka terus kukuh.

Kerajaan pula akan berusaha memastikan PNB akan mempergiat lagi usaha mereka untuk menggembleng tabungan bumiputera bagi mendapatkan bahaigan ekuiti yang lebih besar dalam sektor korporat. - lagi.

▼16/12/21-38MST

Kajian - Mahathir (Ekuiti) 3 Kuala Lumpur

Beliau juga berkata, memandangkan pelaburan yang besar, kerajaan sedang menimbang menubuhkan Amanah Pelaburan Bumiputera (APB) untuk menyediakan satu lagi saluran berkesan bagi mengekalkan pegangan korporat Bumiputera.

Di bawah skim ini, 30 peratus daripada peruntukan bagi Bumiputera di bawah terbitan awam oleh syarikat-syarikat yang mahu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur akan disalurkan kepada Bumiputera menerusi APB.

Dr Mahathir memberitahu Bumiputera bahawa kerajaan telah mematuhi dasar menyediakan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti kepada Bumiputera dalam sektor korporat.

"Dalam banyak hal khususnya bagi syarikat-syarikat yang diswastakan kerajaan telah memberi majoriti 100 peratus hak milik kepada Bumiputera. Sebenarnya, jika semua ekuiti Bumiputera semasa pengwastakan diambil kira pemilikan Bumiputera dalam entiti yang diswastakan (termasuk pegangan kerajaan) akan berjumlah 69 peratus daripada ekuiti keseluruhan."

Tetapi menjelang 1993 saham mereka berkurangan ke 38 peratus kerana penjualan semula. — Bernama

▼16/12/21-35MST